

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	25/12/2019	MUKA SURAT	:
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# 'Berikan mereka sedikit masa lagi'

**ADUN minta kerajaan Pahang guna budi bicara untuk pindahkan petani terlibat**

SAIFULLAH AHMAD

CAMERON HIGHLANDS

**K**erajaan Pahang diminta menggunakan budi bicara dalam menyelesaikan isu di kawasan Tanah air Kuala Terla di sini dengan memberikan tempoh secukupnya kepada petani untuk mengosongkan tempat berkenaan. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanah

Rata, Chiong Yoke Kong berkata, beliau simpati dengan nasib yang dihadapi petani terbahit.

"Sekurang-kurangnya berilah tempoh selepas Tahun Baharu Cina. Dalam keadaan sekolahan yang nak dibuka beberapa minggu lagi sepatutnya kerajaan negeri bertimbang rasalah."

"Isu ini telah saya bangkitkan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang yang lepas, malah saya turut berikan cadangan kepada kerajaan negeri," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Yoke Kong berkata, antara cadangan yang dikemukakan adalah meminta kerajaan negeri menyediakan kawasan pertanian lain di Sungai Koyan di sini sebagai



Laluan masuk ke kawasan kebun petani terbahit yang dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh kerajaan Pahang kelmarin.

ganti bagi membolehkan petani meneruskan kerja mereka.

Kelmarin, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Dr Sallehuddin

Ishak mengesahkan tindakan penguatkuasaan yang dilakukan di kawasan itu berdasarkan undang-undang. Menurutnya, tindakan tersebut diambil bagi me-

mastikan kelestarian alam sekitar dan kepentingan rakyat terus dipelihara seperti titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa



YOKE KONG

Billah Shah pada 7 September lalu.

Dalam kejadian kelmarin, tujuh lelaki ditahan polis ketika tunjuk perasaan oleh kira-kira 200 orang bagi membantah operasi Op Lestari 2 untuk merobohkan kebun sayur haram dan struktur bangunan di kawasan tanah tinggi ini.